

MAKLUMAT MENGENAI VAKSIN COVID-19

1. Apakah dia vaksin COVID-19?

Ia adalah sejenis vaksin yang boleh mencegah daripada jangkitan virus COVID-19, atau dikenali juga sebagai SARS CoV-2 yang boleh menyebabkan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19).

2. Mengapakah suntikan vaksin ini penting?

SARS CoV-2 adalah sejenis coronavirus baru yang boleh merebak dari manusia ke manusia melalui cecair pernafasan yang dijangkiti melalui sentuhan, batuk dan bersin. Dalam kebanyakan kes, ia adalah penyakit ringan tetapi bagi sebilangan orang, ianya boleh menyebabkan komplikasi kesihatan yang serius atau kematian.

Vaksin berfungsi dengan melatih dan merangsang sistem daya tahan badan (iaitu sistem imuniti) untuk mengenali dan melawan virus dan bakteria yang tertentu dengan menghasilkan antibodi. Jika sekiranya terdedah dengan jangkitan virus, badan awda sudah bersedia untuk memusnahkan virus tersebut dan oleh yang demikian dapat mencegah penyakit. Adalah penting untuk mengambil vaksin kerana dengan vaksin yang efektif awda dapat memperkuat sistem daya tahan badan awda dan akhirnya dapat mengawal dan menghentikan penularan virus dan melindungi masyarakat kita. Tidak ada jalan pintas dari wabak ini dan kita akan hidup dalam "norma baharu" untuk masa yang akan datang,

Program vaksinasi COVID-19 yang bakal diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam dapat melindungi diri awda dan orang di sekitar awda, terutama sekali bagi mereka yang berisiko tinggi untuk mendapat penyakit teruk akibat COVID-19. Vaksin COVID-19 juga dapat membantu menghindari dari sakit teruk walaupun awda dijangkiti COVID-19.

3. Adakah vaksin ini selamat?

Para saintis kini sedang berusaha keras untuk menghasilkan vaksin yang selamat dan berkesan untuk melindungi orang ramai daripada COVID-19. Terdapat beberapa vaksin yang sedang dihasilkan dan dihadapkan kepada pihak berkuasa ubat-ubatan untuk mendapatkan kelulusan.

WHO, UNICEF dan rakan dialognya komited untuk mempercepatkan penghasilan vaksin COVID-19 dan dalam masa yang sama mengekalkan piawaian tinggi terhadap keselamatan dan kualiti vaksin. Vaksin COVID-19 hanya akan tersedia untuk digunakan di Negara Brunei Darussalam setelah ianya diluluskan oleh pihak berkuasa ubat-ubatan.

Apabila vaksin ini dilancarkan, ia akan terus dipantau rapi, seperti vaksin-vaksin yang lain. Sebarang kesan sampingan selepas vaksinasi akan dikaji dan diambil tindakan dengan teliti.

4. Adakah semua individu perlu divaksinasi?

Semakin ramai penduduk yang menerima vaksin, semakin hampir kita untuk mencapai *herd immunity*. Ini dapat mencegah penularan virus tersebut dalam penduduk dan memastikan golongan yang berisiko tinggi yang tidak boleh menerima vaksin tersebut dapat dilindungi.

Bekalan vaksin COVID-19 belum mencukupi bagi beberapa bulan akan datang. Pada tahun 2021, kebanyakan negara tidak akan mempunyai vaksin yang cukup untuk memvaksinasi seluruh penduduk mereka dan adalah penting untuk memastikan bahawa golongan yang berisiko tinggi menerima vaksin terlebih dahulu. Ini akan melibatkan faktor seperti golongan yang paling terdedah kepada COVID-19 dan individu yang berisiko tinggi mendapat sakit tenat atau menyebabkan kematian jika dijangkiti.

5. Adakah vaksin ini sesuai untuk semua orang?

Vaksin ini adalah diluluskan untuk digunakan untuk individu berumur 18 tahun ke atas.

Maklumkan doktor atau jururawat sebelum awda diberikan vaksin jika awda:

- Mengandung
- Mempunyai sejarah alahan / alergi serius (anafilaksis) terhadap sebarang ubat / vaksin

Awda perlu memaklumkan kepada petugas kesihatan sebelum menerima vaksin jika awda pernah mempunyai sejarah alahan atau alergi yang teruk (anafilaksis). Jika berlaku alahan terhadap vaksin, ia biasanya berlaku dalam masa beberapa minit. Petugas kesihatan yang memberi vaksin adalah dilatih untuk menangani dan merawat alahan dengan segera.

6. Adakah vaksin COVID-19 ini berkesan?

Ada beberapa faktor yang mempengaruhi keberkesanan vaksin, contohnya usia, masalah kesihatan, atau pendedahan kepada penyakit tersebut sebelumnya. Ciri-ciri vaksin itu sendiri seperti komposisi, cara pemberian, proses atau teknologi yang digunakan untuk penghasilannya, adalah diantara faktor yang menentukan keberkesananannya.

Walaupun dengan vaksin yang ada sekarang, terdapat peratus kecil individu yang tidak dilindungi setelah di vaksinasi, sementara bagi yang lain, perlindungan mungkin akan berkurangan dari masa ke semasa. Beberapa vaksin memerlukan '*booster*' untuk mempertahankan perlindungan yang cukup terhadap penyakit berkenaan.

Selagi virus masih menular, semua negara masih berisiko dan walaupun dengan vaksin yang berkesan, ia akan memerlukan masa sebelum perkadaran individu yang mencukupi dapat vaksin tersebut untuk mencapai *herd immunity*. Ini bermaksud bahawa untuk beberapa waktu selepas vaksin mula diberikan kita masih perlu meneruskan langkah-langkah pencegahan

seperti penjarakkan fizikal, memakai sungkup muka, kerap mencuci tangan dan mengamalkan etika bersin atau batuk yang betul.

7. Vaksin COVID-19 dihasilkan dengan cepat, adakah mereka mengabaikan langkah-langkah yang diperlukan untuk memastikan vaksin ini selamat?

Pada masa lalu, vaksin telah dihasilkan melalui beberapa langkah yang memakan masa bertahun-tahun. Memandangkan terdapat keperluan segera bagi vaksin COVID-19, pelaburan kewangan dan kerjasama saintifik mengubah bagaimana vaksin dihasilkan. Tiada langkah dalam proses biasa yang diabaikan, akan tetapi beberapa langkah dalam proses penyelidikan dan penghasilan dibuat secara sejajar, dan dalam masa yang sama pengilang masih mengekalkan ciri-ciri piawaian klinikal dan keselamatan yang ketat.

Ujian klinikal

Ujian klinikal dibuat untuk menilai vaksin samada ia berfungsi untuk mencegah COVID-19 dan selamat untuk digunakan. Ujian klinikal terbahagi kepada tiga bahagian, yang disebut fasa.

- **Fasa pertama:** vaksin diberikan kepada sebilangan kecil individu.
- **Fasa kedua:** vaksin diberikan kepada ratusan individu.
- **Fasa ketiga:** vaksin diberikan kepada ribuan individu. Reaksi kepada vaksin akan dapat dilihat dengan lebih jelas oleh para penyelidik sekiranya ujian klinikal melibatkan banyak peserta.

Apabila ujian klinikal menunjukkan vaksin itu selamat, pihak berkuasa ubat-ubatan akan terus menilai data keselamatan, kualiti dan keberkesanan vaksin dengan lebih terperinci. Mereka juga memeriksa cara penghasilan vaksin di makmal. Pihak berkuasa ubat-ubatan adalah agensi bebas yang tidak mempunyai kaitan dengan penyelidik dan pengilang yang menghasilkan vaksin tersebut.

Sekiranya pihak berkuasa ubat-ubatan mendapati bahawa vaksin tersebut selamat, berkualiti, berkesan dan diluluskan, pengilang boleh mula membekalkan dos vaksin kepada mereka yang memerlukan. Pihak berkuasa ubat-ubatan dan pengilang akan terus memantau keselamatan vaksin semasa orang ramai menerima vaksin tersebut.

Semua langkah-langkah ini telah dan akan diikuti untuk penghasilan vaksin COVID-19 untuk memastikan ianya selamat untuk digunakan. Tidak ada jalan pintas yang diambil, cuma langkah ini berlaku dengan lebih cepat daripada biasa. Orang ramai juga menyertai ujian klinikal dengan lebih cepat daripada biasa dan langkah pembiayaan dan kelulusan berlaku dengan lebih pantas. Juga, para penyelidik; pengilang dan pihak berkuasa ubat-ubatan bekerjasama untuk meneliti maklumat keselamatan vaksin dari ujian klinikal dengan lebih pantas daripada biasa.

8. Bilakah vaksin ini akan sedia untuk diberikan?

Vaksin akan tiba di Negara Brunei Darussalam secara berperingkat selama beberapa bulan. Oleh yang sedemikian tidak semua individu akan menerima vaksin dengan segera. Petugas barisan hadapan (*frontliners*), individu yang berisiko tinggi seperti warga emas dan individu yang mempunyai masalah kesihatan kronik adalah diantara golongan yang diberi keutamaan untuk menerima vaksin pada fasa pertama.

Apabila lebih banyak vaksin yang diluluskan dan bekalan vaksin meningkat, vaksin COVID-19 akan diberikan kepada khalayak ramai.

9. Apakah jenis vaksin COVID-19 yang sedang dihasilkan?

Terdapat pelbagai jenis vaksin yang kini dalam ujian klinikal untuk mencegah coronavirus. Walaupun semua vaksin bertujuan untuk mendedahkan tubuh kepada antigen yang tidak akan menyebabkan jangkitan atau penyakit, akan tetapi akan merangsang tindak balas imun yang dapat menyekat atau memusnahkan virus jika seseorang dijangkiti, terdapat pelbagai calon vaksin yang menggunakan platform teknologi yang berbeza. Perbezaan ini menghasilkan ciri vaksin yang berbeza, termasuk kekuatan tindak balas imun, jumlah dos yang diperlukan, profil keselamatan, keperluan penyimpanan rangkaian sejuk, dan masa penghasilan.

Jenis vaksin	Huraian	Contoh vaksin sedia ada
Vaksin 'Inactivated'	Vaksin yang mengandungi keseluruhan atau sebahagian virus yang tidak aktif lagi. Vaksin 'Inactivated' mampu merangsang sistem daya tahan badan dan tidak akan menyebabkan penyakit	Sinovac Sinopharm Covaxin
Vaksin 'Vector'	Vaksin yang mengandungi virus yang telah diubahsuai dan mengandungi bahan genetik untuk menghasilkan antigen yang mampu merangsang sistem daya tahan badan.	AstraZeneca Sputnik V Janssen
Vaksin 'Ribonucleic-acid' (RNA) (Teknologi baru)	Vaksin RNA yang mengandungi bahan genetik virus yang mengkodkan antigen virus yang mampu merangsang sistem daya tahan badan.	Moderna Pfizer/ BioNTech
Vaksin 'Protein subunit'	Vaksin yang mengandungi salah satu protein permukaan virus.	Novavax Sanofi + GSK

Pertubuhan Kesihatan Sedunia secara berkala mengemas kini analisis vaksin COVID-19 yang dalam perkembangan yang boleh didapati di sini <https://www.who.int/publications/m/item/draft-landscape-of-covid-19-candidate-vaccines>

10. Dimanakah vaksin ini boleh didapati?

Pusat vaksinasi adalah seperti berikut:

Brunei Muara	:	Stadium tertutup
Tutong	:	Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Tutong
Kuala Belait	:	Hospital Suri Seri Begawan
Temburong	:	Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam

Perjanjian untuk dos pertama vaksin boleh dibuat menerusi aplikasi BruHealth. Manakala, perjanjian untuk dos kedua akan diberikan melalui Bru-HIMS oleh petugas kesihatan pada hari menerima suntikan dos pertama dan akan diberikan peringatan melalui aplikasi BruHealth.

11. Bagaimanakah vaksin ini diberikan?

Suntikan vaksin COVID-19 diberikan secara 'intramuscular' pada otot lengan atas.

Ia diberikan sebanyak 2 dos, selang 2-12 minggu (bergantung kepada jenis vaksin).

12. Mengapakah saya memerlukan 2 dos vaksin?

Pada masa ini, majoriti vaksin yang sedang dihasilkan memerlukan 2 dos vaksin. Suntikan pertama adalah untuk membantu merangsang imuniti tubuh untuk mengenal virus tersebut, dan suntikan kedua untuk memperkuatkan sistem daya tahan badan. Awda memerlukan kedua-duanya untuk mendapatkan perlindungan terbaik.

13. Apakah kemungkinan kesan sampingan vaksin ini?

Sebarang vaksin atau ubat boleh menyebabkan kesan sampingan, termasuk vaksin COVID-19. Kesan sampingan yang dilaporkan secara umumnya adalah gejala ringan dan berjangka masa pendek seperti:

- sakit pada tempat penyuntikan
- keletihan
- sakit otot/sendi
- demam ringan
- sakit kepala.

Awda boleh mengambil ubat penahan sakit, seperti paracetamol, jika awda memerlukannya.

Sekiranya gejala awda bertambah teruk atau awda risau, sila dapatkan nasihat kesihatan dengan segera.

14. Apa yang perlu dilakukan jika awda mengalami kesan sampingan?

Jika awda mengalami kesan sampingan seperti yang dinyatakan di atas ataupun risau mengenai masalah kesihatan yang awda fikirkan berkaitan dengan vaksin yang diterima, awda hendaklah mendapatkan nasihat kesihatan dengan segera atau hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148. Awda dikehendaki untuk melaporkan kesan sampingan selepas 7 hari dari hari menerima suntikan menerusi aplikasi BruHealth.

Semasa perjumpaan dengan doktor ataupun jururawat, pastikan awda memaklumkan mengenai vaksinasi awda (Sila tunjukkan buku vaksinasi awda jika ada) supaya mereka dapat membuat penilaian selanjutnya.

15. Adakah saya terlindung sepenuhnya daripada jangkitan virus COVID-19 selepas suntikan vaksin ini?

Individu yang diberi vaksin masih boleh menjadi pembawa dan boleh menyebarkan virus atau jangkitan. Individu mesti terus mengambil langkah untuk melindungi diri dan orang lain. Ini termasuk mencuci tangan, memakai penutup hidung dan muka dan penjarakkan fizikal, serta mematuhi peraturan kebangsaan dan tempatan mengenai pengesanan kontak, kuarantin, dan langkah-langkah kesihatan awam yang lain.

Masih terlalu awal untuk mengetahui jika vaksin COVID-19 akan memberikan perlindungan jangka panjang terhadap virus tersebut. Kita mesti terus menggunakan semua alat dan amalan pencegahan lain untuk memerangi COVID-19 yang masih berleluasa.

16. Jika saya pernah dijangkiti COVID-19, adakah saya perlu menerima vaksin ini?

Ya, walaupun awda pernah dijangkiti COVID-19, awda masih berisiko untuk dijangkiti buat kali kedua. Vaksin ini dapat membantu mengurangkan risiko awda daripada dijangkiti COVID-19. Jika awda dijangkiti lagi, vaksin ini boleh meringankan jangkitan.

17. Saya positif COVID-19 sekarang, perlukah saya menerima vaksin ini?

Tidak, awda perlu menanggungkan vaksinasi sehingga pulih sepenuhnya daripada COVID-19.

Sekurang-kurangnya:

- Empat (4) minggu selepas simptom pertama
- Empat (4) minggu selepas di uji positif COVID-19

18. Bolehkah vaksin COVID-19 menyebabkan jangkitan COVID-19?

Tidak, vaksin COVID-19 tidak boleh menyebabkan jangkitan COVID-19.

Ada beberapa jenis vaksin yang sedang dibangunkan. Kesemua vaksin ini bertindak dengan merangsang sistem imuniti badan untuk mengenal dan melawan virus yang menyebabkan COVID-19. Kadangkala proses ini boleh menyebabkan gejala seperti demam. Ini adalah tindak balas normal dan ia menunjukkan bahawa sistem imuniti badan sedang melawan virus tersebut.

Ia juga mengambil masa beberapa minggu untuk sistem daya tahan badan untuk membina imuniti selepas vaksinasi. Oleh itu, awda masih berisiko untuk dijangkiti virus COVID-19 sebelum atau selepas vaksinasi. Ini bermaksud vaksin tersebut belum mempunyai masa yang mencukup untuk memberi perlindungan.

19. Bolehkan anak saya menerima vaksin COVID-19?

Tidak, lebih banyak kajian perlu dilakukan sebelum vaksin COVID-19 disyorkan untuk kanak-kanak yang berumur 18 tahun kebawah.

20. Adakah selamat untuk menerima vaksin COVID-19 jika saya mempunyai masalah kesihatan?

Ya, vaksin COVID-19 adalah penting terutamanya dikalangan individu yang mempunyai masalah kronik seperti masalah jantung, masalah paru-paru, kencing manis, dan obesiti. Individu dengan keadaan ini adalah lebih berisiko untuk sakit tenat jika dijangkiti COVID-19.

Rujukan:

- I. CDC Covid 19 Vaccination at <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/vaccines/faq.html>
- II. WHO Coronavirus disease (COVID 19) vaccines at [https://www.who.int/news-room/q-a-detail/coronavirus-disease-\(covid-19\)-vaccines](https://www.who.int/news-room/q-a-detail/coronavirus-disease-(covid-19)-vaccines)
- III. NHS Coronavirus (COVID 19) Vaccines at <https://www.nhs.uk/conditions/coronavirus-covid-19/coronavirus-vaccination/coronavirus-vaccine/>
- IV. Landscape of COVID-19 candidate vaccines at <https://www.who.int/publications/m/item/draft-landscape-of-covid-19-candidate-vaccines>
- V. Singapore: What you should know about the covid 19 vaccine at <https://www.gov.sg/article/what-you-should-know-about-the-covid-19-vaccine>
- VI. Ministry of Health, Malaysia: COVID 19 Vaccines at http://covid-19.moh.gov.my/kajian-dan-penyelidikan/mahtas-covid-19-rapid-evidence-updates/COVID-19_VACCINES_editted.pdf
- VII. WHO Covid-19 vaccines: safety surveillance manual 2020 at <https://apps.who.int/iris/handle/10665/338400>